

KHUTBAH JUMAAT

“RAMADAN BULAN MENDIDIK DIRI” (23 April 2021M/ 11 Ramadan 1442H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ رَمَضَانَ شَهْرًا مُبَارَكًا، وَفَرَضَ فِيهِ الصِّيَامَ وَأَعَدَّ فِيهِ فَضْلًا كَبِيرًا وَأَجْرًا عَظِيمًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، حَبِيبِنَا الْكَرِيمِ، وَرَسُولِنَا الْعَظِيمِ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk : ‘**Ramadan Bulan Mendidik Diri**’.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Ramadan al-Mubarak adalah bulan yang sangat mulia di sisi Allah *subhanahu wata'ala*. Bulan ini adalah medan mendidik orang yang beriman supaya sentiasa meningkatkan ketakwaan kepada Allah

subhanahu wata'ala. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah ayat 183:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.*

Ibadah puasa bukanlah semata-mata menahan diri daripada lapar dan dahaga, tetapi puasa adalah untuk mendidik peribadi menjadi orang yang taat lagi berbudi, berusaha mengingati kebesaran Allah *subhanahu wata'ala* dengan melakukan segala kebaikan dan ketaatan, menjauhi segala larangan dan kemaksiatan, sama ada melalui perkataan, perbuatan ataupun hati.

Puasa mendidik kita mengatasi tekanan nafsu yang kuat, kerana orang yang sentiasa kenyang akan bertambah tinggi rasa keinginannya menurut nafsu yang sukar untuk dikawal.

Oleh itu, puasa mendidik kita supaya terselamat daripada godaan dan dipengaruhi nafsu jahat. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi *rahimahullah* daripada Muaz bin Jabal *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda :

((... الصَّوْمُ جُنَّةٌ ...))

Maksudnya: ... *Puasa itu adalah perisai* ...

laitu perisai yang dapat menahan diri daripada dipengaruhi nafsu jahat. Demikian juga puasa mendidik kita, membina kesihatan kerana sebahagian penyakit berpunca daripada makanan. Sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dalam sebuah hadis yang dikeluarkan oleh Imam al-Tabarani *rahimahullah* daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* sabdanya:

(وَصُومُوا تَصِحُّ)

Maksudnya: ... *berpuasalah kamu, kamu akan beroleh kesihatan.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Amalan-amalan yang disyariatkan dalam bulan Ramadan mampu untuk memberikan beberapa didikan kepada kita. Sebagai contoh, melalui ibadah puasa, Ramadan mendidik kita hidup sederhana, bersifat sabar, jujur dan ikhlas. Ramadan juga mendidik kita mendekatkan diri dengan Allah *subhanahu wata'ala* melalui solat sunat tarawih, tadarus al-Quran dan iktikaf dalam masjid.

Selain itu, kita dididik oleh Ramadan agar mengukuhkan persaudaraan dan melupakan persengketaan melalui solat secara berjemaah. Ramadan juga mendidik kita menjadi orang yang pemurah dengan menginfakkan harta sama ada dengan cara zakat, wakaf ataupun sedekah serta melalui penyediaan juadah berbuka untuk mereka yang memerlukan.

Andai kata kita gagal menerima didikan ini, tidak mampu berpuasa lahir dan batin, tidak mampu mengekang anggota lahiriah daripada perkara maksiat, tidak mampu memadamkan dendam kesumat sesama sendiri, tidak mampu meninggalkan perkara dusta dalam percakapan dan perbuatan, tidak berminat menginfakkan harta walau sedikit, maka ia bererti kita tidak mendapat apa-apa didikan daripada bulan yang mulia ini. Ini bermakna puasa kita tidak ada nilai disisi Allah *subhanahu wata'ala* dan sia-sialah puasanya, sebagaimana sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ فَلَيْسَ لِلَّهِ فِي أَنْ يَدَعَ طَعَامَهُ
وَشْرَابَهُ))

Maksudnya: *Sesiapa tidak meninggalkan perkataan bohong dan melakukannya, maka tidaklah ada hajat bagi Allah subhanahu wata'ala pada makanannya dan minumannya yang ditinggalkan”.*

(Hadith riwayat Imam al-Bukhari)

Oleh yang demikian, alangkah ruginya jika kita tidak mengambil kesempatan untuk melipat gandakan ibadah pada bulan yang di berkati ini, dan mendidik diri ke arah yang lebih baik.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita mengambil pengajaran daripada pendidikan Ramadan ini, antaranya:

1. Umat Islam wajib meyakini bahawa puasa dalam bulan Ramadan adalah satu kewajipan yang pasti mengandungi hikmat yang banyak.
2. Umat Islam hendaklah menjadikan bulan Ramadan dan ibadah puasa serta solat Tarawih sebagai suatu madrasah yang dapat mendidik diri dan meningkatkan keimanan dan ketakwaan terhadap Allah *subhanahu wata'ala*.

Marilah bersama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Baqarah, ayat 148:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مُوَلِّيهَا ۖ فَاسْتَبِقُوا ۖ الْخَيْرَاتِ ۗ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمُ اللَّهُ
جَمِيعًا ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٤٨﴾

Maksudnya: *Dan bagi tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan); Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ الْبَلَاءِ عَافِيَةً. اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ، وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.